

Literasi abad 21 Bahagian 4/6



Dr. Ali Qassem

www.aliqassem.com

Literasi saintifik adalah satu lagi literasi yang diperlukan pada masa kini.

Mengikut *United States National Center for Education Statistics*, Literasi Saintifik adalah, "Pengetahuan dan pemahaman tentang konsep saintifik dan proses yang diperlukan dalam membuat keputusan, penglibatan dalam hal kemasyarakatan serta kebudayaan, dan produktiviti ekonomi."

Organization for Economic Co-Operation and Development's Programme for International Student Assessment pula mendefinisikan literasi saintifik sebagai, "Keupayaan untuk menggunakan pengetahuan saintifik untuk mengenal pasti persoalan dan membuat kesimpulan yang berasaskan bukti bagi membantu membuat keputusan mengenai dunia semula jadi

dan perubahan yang dibuat melalui aktiviti manusia."

Literasi saintifik juga bermaksud seseorang perlu mampu bertanya, mencari, menentukan jawapan-jawapan untuk menyelesaikan persoalan-persoalan yang timbul dari perasaan ingin tahu dalam kehidupan seharian.

Ini bermakna seseorang itu mempunyai keupayaan untuk menerangkan, menjelaskan dan meramal fenomena semula jadi. Seseorang yang literasi saintifik boleh membaca rencana-rencana tentang sains dalam akhbar dengan pemahaman untuk melibatkan diri dalam perbualan sosial tentang kesahihan perkara-perkara saintifik. Seseorang yang literasi saintifik juga boleh mengenal pasti isu-isu asas saintifik.

Seseorang yang literasi saintifik sepatutnya boleh menilai kualiti maklumat saintifik berdasarkan sumber asas dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk menjana maklumat. Literasi saintifik juga menunjukkan kapasiti untuk menilai hujah-hujah berdasarkan bukti dan membuat kesimpulan yang sewajarnya dari hujah-hujah itu. [*National Science Education Standards, Washington, D.C, page 22*]

Literasi saintifik adalah penting dalam kehidupan kita kerana kita hidup dalam dunia yang berasaskan sains yang sekurang-kurangnya memerlukan pengetahuan asas mengenai isu-isu global seperti pemanasan global, cara untuk menjaga alam sekitar dan memulihara sumber-sumber.

Menurut *Organization for Economic Co-Operation and Development*, ciri-ciri di

bawah menunjukkan seseorang itu literasi saintifik.

- Mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang konsep dan proses sains yang diperlukan untuk penglibatan diri dalam masyarakat
- Boleh bertanya, mencari atau menjawab persoalan-persoalan yang timbul dari perasaan ingin tahu dalam kehidupan seharian
- Mampu menerangkan, menjelaskan dan meramal fenomena semula jadi
- Boleh membaca rencana-rencana tentang sains dalam akhbar dengan pemahaman untuk melibatkan diri dalam perbualan sosial tentang kesahihan perkara-perkara saintifik
- Boleh mengenal pasti isu-isu asas saintifik
- Dapat menyatakan pendapat yang bernas secara saintifik dan teknologi
- Boleh menilai kualiti maklumat saintifik berdasarkan sumber asas dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk menjana maklumat
- Mampu memberikan hujah-hujah dengan bukti dan membuat kesimpulan yang wajar

Bersambung...